

# KPI baharu KSU, ketua pengarah pacu ekonomi

Pastikan kerja lebih pantas selesai projek tertangguh akibat COVID-19

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan menetapkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) baharu kepada semua ketua setiausaha kementerian (KSU) dan ketua pengarah (KP) jabatan supaya program serta projek yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut masa ditetapkan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata Kementerian dan jabatan kini perlu bekerja lebih pantas serta tidak lagi bekerja mengikut sistem atau gaya kerja yang lama.

Katanya, banyak program dan projek tertangguh disebabkan COVID-19 yang kini bukan sahaja melanda Malaysia tetapi seluruh dunia.

“Saya ingin menekankan bahawa dalam keadaan ini tindakan pantas daripada kita semua amat diperlukan.

“Jika masih bergelut dan terikat dengan alasan serta meng-



**Mohd Zuki menanam pokok** bersempena Program Kelestarian Malaysiaku Indah di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

gunakan tatacara kerja lama, kita khuatir tempoh diperlu untuk gerakkan ekonomi serta pemulihan negara akan lebih panjang.

“Kita sudah tangguh projek dan program ini dalam tempoh yang lama (disebabkan COVID-19). Sehubungan itu, saya dengan KPPA (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman) tetapkan KPI untuk KSU dan KP bagi memastikan semua yang di-

rancang dapat digerakkan sebaik mungkin,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Kelestarian Malaysiaku Indah, di Padang Semarak Taman Wetland Putrajaya, di sini, semalam.

Mohd Zuki berkata, jika KSU dan KP gagal gerakkan projek pembangunan atau program mengikut jadual ditetapkan, mereka hendaklah memberi sebab serta

alasan munasabah untuk dipertimbangkan.

“Alasan dan sebab itu akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa pada peringkat saya dan KPPA serta beberapa ahli yang akan dilantik nanti,” katanya.

Mengenai tindakan dan peranangan kerajaan untuk membendung masalah pengangguran disebabkan oleh COVID-19, Mohd Zuki berkata, hal itu dalam perhatian kerajaan.